

# Pilihanraya Kecil Selising dan Kemumin

## Mutu kesihatan kanak2 akan dibaiki

**SELISING, Khamis** — Kerajaan Kelantan sedang berusaha meninggikan mutu kesihatan penduduk di bawah umur 15 tahun supaya mereka boleh mendapat pendidikan yang sempurna dan kemahiran yang berpatutan.

Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob, berkata usaha itu termasuklah memberi penerangan kepada ibu bapa, bantuan input pertanian dan mengadakan projek amalan makanan dan pemakanan masyarakat kampung.

Katanya, 50 peratus penduduk Kelantan berumur bawah 15 tahun. Oleh itu, kerajaan sedang menumpukan tenaga bagi menjayakan usaha itu.

### Rasmikan projek

Ketika berucap merasmikan projek amalan makanan dan pemakanan masyarakat kampung di Kampung Panggong, dekat sini, Datuk Haji Mohamad menambah, usaha itu sedang dilaksanakan di seluruh negeri.

"Semua jabatan dalam negeri ini dikerahkan bagi meninggikan taraf kesihatan penduduk, terutama kanak-kanak di bawah umur 15 tahun," ujarnya.

Menteri Besar berharap ibu bapa memberi makanan yang berzat yang ada di kampung kepada anak-anak.

"Sebenarnya sumber makanan di sekitar kampung kita lebih bermutu dari segi kesihatan. Dengan itu tidak payahlah kita membazir wang membeli sayur-sayuran yang kurang zat, tetapi dijual dengan harga mahal," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia